

# Penuntut UKM tak pulang 6 hari

**Bangi:** Seorang gadis yang juga penuntut Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dipercayai hilang selepas tidak pulang ke kolej kediamannya sejak Rabu lalu.

Penuntut itu, Fatin 'Atikah Khairuddin (*gambar*), 21, dikatakan tidak pulang ke bilik penginapannya di Kolej Ungku Omar UKM, di sini, hingga menimbulkan tanda-tanda pada rakannya.



Difahamkan mangsa kali terakhir dilihat ketika dihantar pulang oleh bapanya ke kolej itu pagi Rabu lalu.

Usaha menjejaki pelajar Fakulti Teknologi Sains Maklumat masih menemui jalan buntu selepas enam hari kehilangannya.

Orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung Fatin diminta menghubungi talian 016-9010020.